

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE CHARACTERS OF A PROJECT MANAGER ACCORDING TO THE QUR'AN: A STUDY BASED ON SURAH AL-MU'MINUN VERSES 1-11]

KARAKTER PENGURUS PROJEK MENURUT AL-QUR'AN: KAJIAN BERDASARKAN SURAH AL-MU'MINUN AYAT 1-11

MUSMULIADI KAMARUDING & MOHD ZAMRUS MOHD ALI¹

¹ School of Civil Engineering, College of Engineering, Universiti Teknologi MARA,
Shah Alam, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia
e-mail: musmuliadi@uitm.edu.my

² Kolej GENIUS Insan Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
e-mail: zamrus@usim.edu.my

*Corresponding Author: zamrus@usim.edu.my

Received Date: 15 November 2021 • Accepted Date: 1 December 2021

Abstract

The project manager plays an important role in ensuring that the project he or she manages is completed on time, cost, and quality that has been set. To be a project manager, it takes a superior character to be a leader in project management. Typically, the characters that are often expressed are of a physical, technical, and skillful nature. For example, experienced, good at communicating, and have good technical skills. However, apart from those characters, characters of a spiritual nature should also be present among project managers. This is because it can be a bulwark to them from committing negative acts such as corruption and embezzlement. Accordingly, this study aims to identify and analyze the characters of project managers according to the Qur'an by focusing on surah al-Mu'minun verses 1-11. The identification and analysis are based on document review methods and qualitative content analysis methods. The results of the study found that the characters that need to be present in a Muslim project manager according to surah al-Mu'minun verses 1-11 are like always keeping prayers and understanding the philosophy of prayer, avoiding useless actions and conversations, paying zakat, curbing lust and always maintaining self-esteem, as well as maintaining trust and promises. The implication is that the spiritual character can not only increase faith in Allah SWT but also enable the project manager to implement the demands of parallel work following the requirements of Islamic law.

Keywords: Character, Project Manager, al-Qur'an, Surah al-Mu'minun

Abstrak

Pengurus projek memainkan peranan penting untuk memastikan projek yang diurusnya itu berjaya disiapkan mengikut masa, kos dan kualiti yang telah ditetapkan. Untuk menjadi seorang pengurus projek, ia memerlukan karakter yang unggul untuk menjadi pemimpin dalam

pengurusan projek. Pada kebiasaannya, karakter yang sering dinyatakan adalah bersifat fizikal, teknikal dan kemahiran. Contohnya, berpengalaman, bijak berkomunikasi, dan mempunyai kemahiran teknikal yang baik. Walau bagaimanapun, selain daripada karakter-karakter tersebut, karakter bersifat rohaniah atau spiritual juga sepatutnya perlu ada dalam kalangan pengurus projek. Hal ini kerana karakter tersebut boleh menjadi benteng kepada diri mereka daripada melakukan perbuatan negatif seperti rasuah dan penyelewengan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis karakter pengurus projek menurut al-Qur'an dengan menumpukan surah al-Mu'minun ayat 1-11. Pengenalpastian dan penganalisisan tersebut adalah berasaskan kaedah kajian dokumen dan kaedah analisis kandungan kualitatif. Hasil kajian menemukan bahawa karakter yang perlu ada dalam diri pengurus projek Muslim menurut surah al-Mu'minun ayat 1-11 adalah seperti sentiasa menjaga solat dan memahami falsafah solat, menjauhi perbuatan dan percakapan sia-sia, mengeluarkan zakat, membendung nafsu syahwat dan sentiasa menjaga kehormatan diri, serta menjaga amanah dan janji. Implikasinya, karakter rohaniah bukan sahaja dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT bahkan membolehkan pengurus projek melaksanakan tuntutan kerja selari mengikut kehendak syariat Islam.

Keywords: Karakter, Pengurus Projek, al-Qur'an, Surah al-Mu'minun

Cite as: Musmuliadi Kamaruding & Mohd Zamrus Mohd Ali. 2021. [The characters of a project manager according to the Qur'an: A study based on surah al-Mu'minun verses 1-11] Karakter pengurus projek menurut al-Qur'an: Kajian berdasarkan surah al-Mu'minun ayat 1-11. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 70-76.

PENGENALAN

Pengurus projek merupakan individu yang bertanggungjawab untuk memastikan projek yang diurusnya berjaya disiapkan mengikut masa, kualiti dan kos yang telah dipersetujui dan seterusnya dapat memberikan kepuasan kepada pihak-pihak yang berkepentingan terhadap projek tersebut (Henkel et al., 2019). Tambahan lagi, pengurus projek juga adalah salah satu faktor yang akan mempengaruhi kejayaan atau kegagalan sesebuah projek (Ali & Chileshe, 2009; Hoxha & McMahan, 2019; Koi Akrofi, 2017; Moura et al., 2018). Hal ini kerana, semua ahli kumpulan akan sentiasa menjadikan pengurus projek sebagai panduan untuk menjalankan tugas. Sekiranya pengurus projek memberikan arahan yang tidak tepat, ia boleh menyebabkan projek tidak dapat disiapkan seperti yang dijadualkan (Ali & Chileshe, 2009; Koi Akrofi, 2017). Sehubungan itu, mana-mana yang ingin menjadi seorang pengurus projek, mereka perlulah mempunyai karakter yang unggul. Antaranya ialah mempunyai kefahaman yang baik tentang bagaimana ingin menggunakan peralatan yang berkualiti dalam pengurusan projek, mempunyai kemahiran teknikal yang baik, berpengalaman, berpengetahuan, mahir dalam penggunaan sistem komputer, mempunyai personaliti yang baik, mampu berkomunikasi dengan baik, motivasi, dan bijak membuat keputusan (Barmayehvar, 2013; Hoxha & McMahan, 2019; Moura et al., 2018). Namun, apabila melihat karakter-karakter tersebut, dapat dikatakan bahawa ia masih tidak lengkap untuk mencapai karakter yang unggul bagi seorang pengurus projek. Hal ini kerana, karakter-karakter yang dinyatakan hanya berbentuk fizikal, teknikal dan kemahiran sahaja. Karakter berbentuk rohaniah atau spiritual juga sepatutnya perlu ada dalam kalangan pengurus projek (Abang Muis et al., 2018).

Karakter tersebut sangat penting dan perlu ada dalam diri seorang pengurus projek kerana menurut Abang Muis et al (2018), pengabaian elemen rohaniah atau spiritual dalam diri seseorang akan menyebabkan mereka akan mudah terlibat dengan perbuatan negatif seperti rasuah, penyelewengan, dan sebagainya. Hal ini sememangnya telah berlaku dalam pengurusan projek pada hari ini. Dalam konteks pengurusan projek pembinaan misalnya, isu rasuah dan penyelewengan telah banyak berlaku dalam kalangan pengurus projek. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor dalaman pengurus projek itu sendiri yang tidak menerapkan nilai-nilai murni semasa terlibat dalam pengurusan projek (Owusu et al., 2019). Nilai-nilai murni sebenarnya akan wujud secara automatik dalam diri seseorang apabila adanya elemen rohaniah atau spiritual dalam diri mereka (Abdul Ghani Azmi, 2013).

Kesimpulannya, selain mempunyai karakter berbentuk fizikal, teknikal dan kemahiran, pengurus projek juga memerlukan karakter berbentuk rohaniah. Hal ini kerana, karakter tersebut mampu membina kekuatan dalaman seseorang yang dapat mengawal dirinya daripada melakukan perbuatan negatif (Abang Muis et al., 2018; Baharuddin & Ramli, 2016). Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis karakter berbentuk rohaniah yang perlu ada dalam kalangan pengurus projek. Pengenalpastian dan penganalisisan tersebut adalah bersumberkan al-Qur'an dengan menumpukan surah al-Mu'minun ayat 1-11. Surah ini dipilih kerana surah tersebut menggambarkan ciri-ciri orang mukmin yang beruntung dan mempunyai ketenangan jiwa (berhubung kait dengan rohaniah) (Syarafuddin HZ, 2009). Terdapat dua persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini. (1) Apakah karakter berbentuk rohaniah yang perlu ada dalam kalangan pengurus projek berdasarkan surah al-Mu'minun ayat 1-11? (2) Mengapa karakter-karakter tersebut perlu ada dalam kalangan pengurus projek?

METODOLOGI KAJIAN

Perbincangan dalam kajian ini adalah berasaskan kaedah kajian kualitatif iaitu melalui kaedah kajian dokumen. Data kajian dikumpul berpandukan data sekunder iaitu dokumen-dokumen sedia ada seperti sumber al-Qur'an dan hadith (sumber utama kajian), artikel jurnal, buku-buku dan sebagainya. Semua dokumen yang dipilih adalah bersesuaian dengan kajian yang dilakukan iaitu berkenaan dengan karakter pengurus projek menurut al-Qur'an (Surah al-mu'minun ayat 1-11). Setelah itu, data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif untuk menghasilkan perbincangan yang lebih sistematik dan teratur bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini adalah bahagian hasil kajian dan perbincangan. Ia membincangkan karakter bersifat rohaniah yang perlu ada dalam diri pengurus projek menurut al-Qur'an berpandukan surah al-Mu'minun ayat 1-11. Walaupun kajian ini membincangkan karakter pengurus projek menurut al-Qur'an tetapi ia tidaklah membataskan hasil kajian hanya kepada individu yang beragama Islam sahaja. Ia juga akan mengemukakan karakter yang boleh diaplikasikan oleh pengurus projek bukan beragama Islam. Berdasarkan analisis terhadap surah al-Mu'minun ayat 1-11, karakter-karakter berikut wajar menjadi asas kepada seseorang pengurus projek Muslim.

Pertama, pengurus projek Muslim hendaklah sentiasa mendirikan solat fardhu secara konsisten serta menghayati falsafah solat. Menurut kitab tafsir Ibnu Kathir bahawa saidina ‘Ali bin Abi Thalhah menyatakan perkhabaran dari Ibnu ‘Abbas tentang maksud “al-khasyi’un” iaitu orang-orang yang khusyuk adalah merujuk kepada mereka yang takut (kepada Allah) serta mendirikan solat secara tenang. Saidina ‘Ali bin Abi Thalib juga menyatakan bahawa khusyuk di sini adalah kekhusukan hati. Selayaknya bagi pengurus projek Muslim itu mempraktikkan ketenangan dalam pekerjaannya sebagai tanda takut kepada Allah. Pengurus projek juga sewajarnya menjauhi perkara yang boleh mendatangkan keburukan seperti tidak amanah atau menjalankan tugas secara sambil lewa kerana perbuatan tersebut jelas bercanggah dengan personaliti seorang yang menghayati solat.

Karakter kedua ialah seorang pengurus projek mesti menjauhkan diri dari perbuatan dan percakapan yang sia-sia. Dalam tafsir Ibnu Kathir turut mentafsirkan “laghwi mu’ri-dhun” iaitu menjauhkan diri dari (perbuatan dan percakapan) yang tiada berguna dengan hal-hal yang boleh membawa kepada kemosyrikan. Hal ini menjelaskan bahawa perbuatan dan percakapan yang tidak berhati-hati boleh menjelaskan akidah Islam selain mengundang pelbagai implikasi sesama manusia. Justeru pengurus projek wajar memelihara tutur kata dengan memikirkan baik buruk dan berhati-hati dalam sebarang tindakan agar tidak berlaku kesilapan. Bahkan juga seorang yang bergelar pengurus projek akan menjadi teladan baik kepada para pekerja dalam aspek tutur kata dan juga amalan perbuatan.

Karakter ketiga ialah berkenaan dengan amalan berzakat. Bagi pengurus projek wajib mengeluarkan zakat fitrah dan zakat-zakat yang cukup syaratnya seperti zakat pendapatan, zakat harta, emas dan perak atau zakat perniagaan. Hal ini demikian apabila seorang Muslim mengeluarkan zakat maka dia telah mengamalkan hak-hak yang wajib untuk melengkapkan syarat sebagai seorang yang beriman. Dengan menyempurnakan rukun berzakat, individu tersebut secara tidak langsung berjaya menyucikan hati dan hartanya dari sifat-sifat yang tercela seperti tamak, kedekut dan terlalu merebut kekayaan. Hal ini seiring dengan maksud dalam surah al-Taubah ayat 103 yang bermaksud: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui (al-Taubah, 9:103)”. Seorang pengurus projek yang menjalankan kewajipan berzakat turut melatih diri untuk bersikap prihatin terhadap kesusahan orang yang berada di bawah pengawasannya khususnya para pekerja.

Seterusnya, karakter keempat adalah melibatkan nafsu iaitu mereka yang dapat mengawal alat kelaminnya dari melakukan perzinaan atau liwat. Hal ini dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Mu’minun bahawa menjaga kehormatan alat kelamin menjadi salah satu ciri orang Mu’min yang mendapat kejayaan dari Allah SWT. Bagi mereka yang ‘muhsan’ iaitu berkahwin hendaklah menyalurkan nafsu syahwatnya kepada pasangan masing-masing. Manakala bagi yang ‘ghara muhsan’ iaitu yang belum berkahwin hendaklah menahan kehendak syahwatnya dengan cara berpuasa atau bersegera mencari pasangan yang sah. Hal ini memberi kesan kepada pembentukan peribadi sama ada seseorang itu benar-benar dapat mengikuti perintah Allah SWT atau sebaliknya. Jelas digambarkan bahawa sikap patuh, sabar dan berintegriti dapat dilahirkan dalam kalangan pengurus projek yang dapat menjaga kehormatan

dan menahan syahwatnya selain daripada pasangannya. Pada masa yang sama, ia dapat melahirkan personaliti diri yang bersih jasmani, rohani, fizikal dan mental.

Karakter yang kelima pula adalah berkaitan dengan penjagaan amanah serta janji. Amanah merupakan suatu tanggungjawab yang diterima sama ada untuk dilaksanakan atau disampaikan kepada mereka yang layak manakala janji adalah persetujuan yang diberikan kepada pihak-pihak tertentu sama ada dalam bentuk ucapan, perbuatan atau tindakan. Amanah dan janji melibatkan hubungan antara pihak kedua atau ketiga. Hal ini memerlukan keperibadian yang tinggi untuk menjadi manusia yang benar-benar beramanah dan menepati janji. Menurut kitab tafsir Ibnu Kathir bahawa mereka yang tidak amanah dan menepati janji adalah ibarat perilaku golongan munafik sebagaimana dijelaskan dalam hadis Nabi yang bermaksud: Dari Abu Hurairah bahawa Nabi bersabda yang bermaksud iaitu: “Tanda munafik itu tiga (3); apabila bercakap dia akan berbohong, apabila dia berjanji dengan sesuatu maka dia tidak menepatinya dan apabila dia diberi amanah maka dia mengkhianatinya” (Riwayat Bukhari).

Akhirnya, karakter yang keenam ialah sikap pengurus projek yang bukan sahaja khusyuk dalam solat tetapi juga memeliharanya dalam erti kata menunaikan solat lima waktu dalam keadaan biasa mahupun ketika ditimpa dengan ujian atau kesibukan dengan hal dunia. Menurut Ibnu Mas'ud dalam kitab tafsir Ibnu Kathir menjelaskan hal ini dengan memperincikannya kepada kesanggupan seseorang itu melakukan solat pada awal waktu. Hal ini juga agak berat untuk dipraktikkan melainkan jika seseorang itu sudah terpaut hatinya dengan rasa cinta kepada Allah. Bagi pengurus projek yang memiliki sifat ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai karisma diri yang sangat tinggi sehingga meletakkan solat pada awal waktu sebagai penanda aras hariannya. Para pekerja yang mempunyai ketua begini sangat beruntung kerana solat yang seringkas 5 ke 10 minit itu telah menyelamatkan mereka semua dari kemurkaan Allah apatah lagi sekiranya solat itu dilaksanakan secara berjemaah.

Bagi pengurus projek yang bukan beragama Islam pula amat digalakkan untuk mengamalkan ajaran agama masing-masing yang sesuai dengan tuntutan agama itu sendiri. Walaupun berlainan agama, mereka wajar mempraktikkan sifat-sifat murni dan berfikiran positif serta mengambil kira amanah kepada pihak kedua atau ketiga. Justeru itu, kajian terhadap karakter pengurus projek berdasarkan surah al-Mu'minun ayat 1 hingga 11 dapat dirumuskan dalam Jadual 1 mengikut pecahan agama Islam dan bukan Islam.

Jadual 1: Karakter Pengurus Projek untuk Beragama Islam dan Bukan Beragama Islam

Bil.	Karakter Menurut Surah al-Mu'minun Ayat 1-11	Aplikasi Kepada Pengurus Projek Beragama Islam	Aplikasi Kepada Pengurus Projek Bukan Beragama Islam
1.0	Solat dengan khusyu'	Solat dan tugas dilaksanakan dengan bersungguh dan fokus	Tugas dijalankan dengan bersungguh dan fokus
2.0	Menjauhi perbuatan dan percakapan sia-sia	Tutur kata sopan dan perbuatan yang menyenangkan semua pihak	Tutur kata sopan dan perbuatan yang menyenangkan semua pihak

3.0	Mengeluarkan zakat	Berzakat apabila cukup syarat	Bersedekah dan berkongsi rezeki
4.0	Membendung nafsu syahwat dan menjaga kehormatan	Menjauhi perbuatan zina dan memelihara kehormatan diri	Menjauhi perbuatan zina dan memelihara maruah diri
5.0	Menjaga amanah dan janji	Bersikap amanah dan menepati janji	Bersikap amanah dan menepati janji
6.0	Menjaga solat pada awal waktu	Solat dan tugas dilaksanakan tidak bertangguh	Tugasan yang tidak bertangguh

Jadual 1.0 menunjukkan karakter pengurus projek yang boleh diaplikasi oleh mereka yang beragama Islam mahupun yang bukan beragama Islam. Mengikut jadual di atas dapat disimpulkan bahawa personaliti pengurus projek yang beragama Islam hanya berbeza dari aspek ubudiyyahnya kepada Allah SWT iaitu mendirikan solat manakala yang bukan beragama Islam boleh memanfaatkan ayat 1 hingga 11 surah al-Mu'minun dengan meningkatkan jati diri sebagai seorang yang berintegriti dan bijak dalam membuat keputusan kerana mengambil kira faktor pihak-pihak lain. Sebagaimana HAMKA turut mencadangkan empat sifat yang perlu dihayati oleh pemimpin bertujuan untuk mengatasi sebarang kesulitan yang akan ditempuh malah menjadi contoh kepada pekerja yang lain (Mohd Yusof & Abdullah, 2013). Empat sikap tersebut ialah amanah (jujur), berani, bijaksana dan timbang rasa.

Selain itu, nilai tambah bagi seorang pengurus projek beragama Islam mereka bakal memperolehi kejayaan dalam pekerjaan, kehidupan dan kejayaan sebagai seorang Muslim di akhirat kelak sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat 11 bahawa mereka bakal menjadi penghuni syurga Firdausi.

KESIMPULAN

Pemimpin atau pengurusan atasan adalah kumpulan yang memikul tanggungjawab bukan sahaja kepada para pekerja tetapi tanggungjawab bagi menegakkan ajaran Islam berdasarkan suri teladan daripada pemimpin yang telah menunjukkan rekod cemerlang (Basir et al. 2016). Dari sini boleh dilihat, tanggungjawab ketua amat besar dan erat. Oleh itu, wajar bagi setiap pengurus projek menghayati kandungan ayat 1 hingga 11 surah al-Mu'minum sebagai asas mencipta kecemerlangan dalam pekerjaan. Kejayaan yang diukur melibatkan semua aspek iaitu berjaya menjadi ketua yang dicontohi, berjaya membendung jenayah terhadap diri sendiri dan orang lain dan berjaya melawan kehendak diri sendiri kerana melihat skop hubungan yang lebih jauh iaitu melibatkan Allah, manusia lain serta alam flora dan fauna. Seharusnya aspek kejayaan ini direnungi agar lebih ramai ketua dan pengurus projek bukan sekadar melaksanakan amanah seperti kata pepatah ibarat melepaskan batuk di tangga atau yang mengambil kesempatan dengan amanah yang dipertanggungjawabkan seperti bidalan melayu iaitu sambil menyelam minum air'. Sekiranya perbuatan-perbuatan negatif ini berjaya dibendung dalam diri pengurus projek maka Malaysia akan mendapat faedah kerana amanah dan tanggungjawab yang digalas akan memberi impak besar kepada para pelabur dan pemilik-pemilik syarikat bertaraf antarabangsa.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abang Muis, A. M. R., Alias, M. S., Kamarudin, M., & Mokthar, M. Z. (2018). Islamic Perspective on Human Development Management: A Philosophical Approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 543–552. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i4/4031>.
- Abdul Ghani Azmi, I. (2013). Pengurusan sumber manusia menurut al-Qur'an & hadith. USIM Press.
- Abu al-Fida' ibn Ismail ibn Umar ibn Kathir. *Kitab Tafsir al-Quran al-'Azim*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut.
- Ali, M. M. A., & Chileshe, N. (2009). The Influence of the Project Manager on the Success of the Construction Projects. *Iccem-Iccpm*, May 2009, 1–24. https://www.researchgate.net/profile/Nicholas_Chileshe/publication/265689336_The_influence_of_the_project_manager_on_the_success_of_the_construction_project/links/541932f80cf203f155adc4f8.pdf
- Baharuddin, E., & Ramli, Z. (2016). Matlamat Kecerdasan Rohaniah Menurut Perspektif Islam (The Goals of Spritual Intelligence as Perceived from Islamic Perspectives). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 8(1), 169–185.
- Barmayehvar, B. (2013). Being an Effective Project Manager : An exploration within project-oriented organisations. PhD Thesis, University of Manchester.
- Basir, S. A., Mohd Noor, N. S., Abd Rahman, M. Z., & Abd Razzak, M. (2016). Peranan Pemimpin dalam Pelaksanaan Etika Kerja Islam: Kajian Kes di Johor Corporation (Jcorp). *Jurnal Usuluddin*, [S.l.], v. 44, p. 45-84, dec. 2016. ISSN 0128-0708.
- Henkel, T., Marion, J., & Bourdeau, D. (2019). Project Manager Leadership Behavior: Task-Oriented versus Relationship-Oriented. *Journal of Leadership Education*, 18(2). <https://doi.org/10.12806/v18/i2/r8>
- Hoxha, L., & McMahan, C. (2019). The Influence of Project Manager's Age on Project Success. *Journal of Engineering, Project, and Production Management*, 9(1), 12–19. <https://doi.org/10.2478/jeppm-2019-0003>
- Koi Akrofi, G. Y. (2017). Delivering Successful IT Projects: A Literature-Based Framework. *Texila International Journal of Management*, 3(2), 294–319. <https://doi.org/10.21522/tijmg.2015.03.02.art028>
- Mohd Yusoff, Z. & Abdullah, A. H. (2013). Pemimpin Menurut Pandangan Hamka: Satu Tinjauan Dalam Tafsir Al-Azhar. *Jurnal Al-Tamaddun*. Bil. 8 (1). 17-38
- Moura, R. L. De, Carneiro, T. C. J., & Diniz, B. D. (2018). Influence of the project manager's personal characteristics on project performance. *Gest. Prod.*, São Carlos, 25(4), 751–763.
- Owusu, E. K., Chan, A. P. C., & Shan, M. (2019). Causal Factors of Corruption in Construction Project Management: An Overview. *Science and Engineering Ethics*, 25(1). <https://doi.org/10.1007/s11948-017-0002-4>
- Syarafuddin HZ. (2009). Tujuh karakter Mukmin dalam Surat al-Mukminun Ayat 1-11 (Tinjauan dari Berbagai Macam Kitab Tafsir). *Suhuf*, 21(1), 66–82.